

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
(SIBUTI)**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan pembangunan belia dan sukan untuk belia dan penggemar sukan luar bandar untuk mendapatkan kemudahan sukan berkualiti tinggi seperti Padang Sintetik dan pembinaan gelanggang sukan serba guna terutama di Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang dalam semakan fasiliti-fasiliti sukan untuk tujuan naik taraf. Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan dan KBS bersedia untuk mempertimbangkan cadangan ini di dalam *Rolling Plan* (RP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI (SIBUTI)**

SOALAN

YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI (MUAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk pembinaan projek perumahan rakyat (PPR) di Kawasan Parlimen Sibuti terutama di bawah Majlis Daerah Subis, Bekenu memandangkan keperluan rumah mampu milik bagi pekan di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai perancangan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Parlimen Sibuti khususnya di bawah Majlis Daerah Subis, Bekenu. Namun begitu, terdapat PPR yang telah siap dibina dalam jarak 40km daripada pekan pentadbiran Bekenu iaitu PPR Lambir di Miri, Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, cadangan pembangunan bagi Rumah Malaysia (Disewa) adalah bergantung kepada tapak yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Keutamaan akan diberikan kepada tapak yang berada di lokasi yang strategik dan mempunyai bilangan setinggan serta permohonan rumah bagi golongan B40 yang tinggi. Sekiranya tapak cadangan Rumah Malaysia (Disewa) sesuai untuk pembangunan, peruntukan pembangunan projek tersebut akan dipohon dalam *Rolling Plan* tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian dapat memulakan agihan tong sampah beroda bagi penduduk rumah Panjang di dalam Kawasan PBT di Parlimen Sibuti bagi membudayakan sistem pembuangan sampah yang lebih teratur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] berkuat kuasa pada 1 September 2011 dan hanya diterima pakai di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah, Perlis, serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Melalui pemakaian Akta 672, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Syarikat konsesi ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan tong sampah di semua premis di dalam kawasan perkhidmatan termasuklah di kawasan perumahan.

Pada masa ini, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996. Sehubungan itu, perkhidmatan kutipan dan penyediaan tong sampah bagi penduduk rumah panjang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Parlimen Sibuti adalah di bawah seliaan Majlis Daerah Subis.

Berdasarkan maklumat daripada Majlis Daerah Subis, pengagihan tong sampah beroda dapat diagihkan di kawasan perkhidmatan kutipan sampah sahaja, manakala bagi kawasan yang berada di luar perkhidmatan kutipan, tong ini tidak dapat diagihkan. Sesetengah kawasan dikategorikan sebagai kawasan di luar liputan perkhidmatan kutipan kerana terdapat jalan yang belum berturap atau jalan ke kawasan tersebut tidak sesuai dilalui oleh lori sampah.

Sekian, terima kasih.